

Bukan lagi hak sesebuah negara

BAHASA MELAYU MILIK 150 JUTA



■ DATUK MUSA

JOHOR BARU, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menegaskan hasil pengucapan dan penulisan kita nanti tidak lagi menjadi milik sesebuah negara, tetapi akan dimiliki bersama oleh kira-kira 150 juta manusia berbahasa Melayu di rantau Nusantara ini.

"Kita akan berbangga dengan bahasa pengucapan kita itu yang menjadi antara bahasa yang terbesar di dunia ini," katanya dalam perutusannya di mesyuarat Jawatankuasa pelaksanaan resolusi Pertemuan Sasterawan Nusantara III.

"Harapan saya dari mesyuarat yang bersejarah ini," katanya, "akan dapat mengeratkan lagi kerjasama serantau dalam bidang bahasa, sastra dan budaya di kalangan satu bangsa serumpun, iaitu bangsa Melayu."

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sejak ia dilantik menjadi Pengerusi Panel Anugerah Sastra Negara, kira-kira tiga tahun lalu, "hubungan saya dengan dunia kesusasteraan menjadi semakin erat.

"Pergaulan dengan teman-teman panel anugerah ini dan sesekali meneliti karya sasterawan yang dicalonkan untuk menerima anugerah, tambah merangsang cinta kepada sastra yang telah saya ikuti dan pelajari sejak di universiti."

Datuk Musa yakin, hasil sastra yang indah dan bermutu itu akan dapat memberi kepuasan intelektual yang tinggi.

"Dari hubungan saya yang erat inilah juga saya dapat melihat sendiri kelangsungan kehidupan kesusasteraan kita hari ini, perkembangan dan masalahnya," tambahnya.

Dengan adanya GAPENA yang bergerak seiring dengan Dewan Bahasa, organisasi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk perkembangan bahasa dan sastra Melayu ini, "Saya berasa yakin bahwa perkembangan bahasa dan sastra kita akan terus bersemarak," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia